

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)****KENYATAAN TAWARAN TENDER T 05/11/2025**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia **dalam kod bidang / pecahan pengkhususan berkaitan yang masih berkuatkuasa** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN PERPUSTAKAAN TUN AHMAD SARJI (PTAS) INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

NO. TENDER & TARIKH PELAWAAN	SYARAT PENDAFTARAN	KOD BIDANG / PECAHAN PENGKHUSUSAN	LAWATAN TAPAK WAJIB	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN (soft copy)	TARIKH TUTUP & SERAHAN DOKUMEN
T 05/11/2025 11 NOVEMBER 2025 (SELASA)	Taraf Bumiputra Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) GRED: G3 (Berdaftar di Kuala Lumpur & Selangor sahaja)	ME02 (SISTEM PENCEGAHAN DAN PERLINDUNGAN KEBAKARAN)	19 NOVEMBER 2025 (RABU), JAM 10.00 PAGI DEWAN SAJIAN, BLOK D IKIM	20 NOVEMBER 2025 (RABU) Hingga 18 DISEMBER 2025 (KHAMIS) RM100.00 ISNIN – JUMAAT 8.00 PAGI – 4.00 PETANG	18 DISEMBER 2025 (KHAMIS) (SEBELUM 12.00 TGH HARI)

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan **Sijil-sijil Asal** berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan semasa menghadiri lawatan tapak:-

- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB)

Satu salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan IKIM semasa lawatan tapak. IKIM berhak menolak permohonan yang pada tanggapan IKIM tidak layak.

3. Bayaran dokumen Tender boleh dibuat secara Tunai / *Direct bank in* atas nama **INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen dan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja.
4. Dokumen Tender akan diserahkan setelah bayaran dibuat. Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tempoh yang dinyatakan dalam jadual di atas.

5. Kontraktor yang berminat **diwajibkan menghadiri taklimat kerja** seperti butiran di atas dengan membawa bersama dokumen pra kelayakan. Wakil syarikat **diwajibkan membawa bersama surat perwakilan dan cop rasmi syarikat**. Tawaran dianggap sebagai tidak sah dan tidak diperakui sekiranya pembekal **tidak menghadiri** taklimat kerja.
6. Sila sertakan **salinan Sijil SSM, Pendaftaran Syarikat, Penyata Bank (3 bulan terkini) yang disahkan oleh pihak bank dan Penyata Kewangan yang beraudit (jika berkenaan) dan salinan surat pendaftaran Kastam (SST) jika berkaitan**.
7. Semua kos berkaitan dengan tawaran tender dan perkhidmatan ini adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
8. IKIM tidak terikat untuk menerima cadangan tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. IKIM berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Dokumen Cadangan oleh pihak syarikat.

Dokumen Tender yang telah lengkap (**sila buat dalam dua (2) salinan**) diisi beserta dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis pada bahagian atas penjuru kiri **“Dokumen Tender: T05/11/2025”** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Blok A Bawah, Institut Kefahaman Islam Malaysia sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari pada 18 Disember 2025** dan dialamatkan seperti di bawah:-

**UNIT PENTADBIRAN DAN PEROLEHAN
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
NO. 2, LANGGAK TUNKU OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM,
50480, KUALA LUMPUR
TEL: 03-6204 6200 FAX: 03-6201 4189**

Dokumen Tender yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.